



**UNIVERSITI
MALAYA**



**GIG1005 JALINAN MASYARAKAT
SARJANA MUDA UKUR BANGUNAN, FAKULTI ALAM BINA
UNIVERSITI MALAYA**

SCIENCE, TECHNOLOGY, ENGINEERING & MATHEMATICS (STEM) ACTIVITIES FOR AND BY STUDENT



FEBRUARI 17 - JUN 28, 2020

PENYELARAS:

**DR SR RAHA BINTI SULAIMAN
DR NUR FARHANA BINTI AZMI**

DENGAN KERJASAMA STEM 4ALL MAKERSPACE

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKASURAT
1.0	Laporan Program	4
1.1	Latar Belakang/ Sinopsis Projek	4
1.2	Objektif	5
1.3	Komuniti Sasaran	6
1.4	Alamat/ Kawasan Komuniti Sasaran	6
1.5	Jarak Lokasi Komuniti Sasaran dari Kampus Universiti Malaya	6
1.6	Anjuran Projek 1.6.1 World Engineering Day 1.6.2 STEM Fest at The Curve Mall 1.6.3 Online STEM Challenge – Trash to Treasure 2020	6 – 7
1.7	Bilangan Peserta/ Komuniti	7
1.8	Bilangan Peserta UM	7
1.9	Gantt Chart	8
1.10	Tempoh Pelaksanaan Projek	8
1.11	Pelaksanaan 1.11.1 World Engineering Day 1.11.2 STEM Fest 1.11.3 Online STEM Challenge– Trash to Treasure 2020	8 – 16
1.12	Isu dan Cabaran	16
1.13	Cadangan	16
1.14	Pencapaian 1.14.1 Analisis persiapan STEM Fest 1.14.2 Analisis penyertaan STEM Challenge -Trash to Treasure 2020	17
1.15	Dokumen 1.15.1 Bahan promosi 1.15.2 Link pendaftaran 1.15.3 Rubrik pertandingan 1.15.4 Perlantikan juri 1.15.5 Sijil penyertaan dan pemenang 1.15.6 Hadiah pemenang	17 – 18

BIL	PERKARA	MUKASURAT
2.0	Gambar dan Video	18 – 20
2.1	Gambar Aktiviti	
2.2	Video Aktiviti	
2.3	Video Temubual/ Testimoni	
3.0	Keratan Akhbar	20
4.0	Kewangan dan Perbelanjaan	21
5.0	Sumber Kewangan	21
6.0	Penutup dan Kesimpulan	21
7.0	Penghargaan	21

Senarai Lampiran

Lampiran 1	:	Surat lantikan dan kerjasama STEM 4All Makerspace	20
Lampiran 2	:	Bilangan peserta Trash to Treasure	23
Lampiran 3	:	Gantt Chart	24
Lampiran 4a	:	STEM Fest Explorace	25
Lampiran 4b	:	STEM Workshop & Carnival	27
Lampiran 5	:	Cadangan aktiviti & gerak kerja biro Trash to Treasure	29
Lampiran 6	:	Senarai nama pemenang	30
Lampiran 7	:	Bahan promosi	31
Lampiran 8	:	Penilaian rubrik	36
Lampiran 9	:	Perlantikan juri	37
Lampiran 10	:	Sijil pemenang & peserta	38
Lampiran 11	:	Gambar aktiviti	41
Lampiran 12	:	Laporan Kewangan	49
Lampiran 13	:	Senarai pelajar Tahun 2	55

1.0 Laporan Program

1.1 Latar belakang/ Sinopsis projek

Pelajar Tahun 2, Sarjana Muda Ukur Bangunan telah mengadakan program Jalinan Masyarakat pada Semester 2, Sesi 2019/2020 iaitu dari 17 Februari - 28 Jun 2020 dengan kerjasama dari Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu STEM 4All Makerspace. Surat lantikan dan kerjasama adalah seperti di *Lampiran 1*. Projek yang dijalankan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua golongan pelajar dan ibubapa akan kepentingan ilmu pengetahuan yang melibatkan *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM). Pada mulanya, projek ini dirancang untuk diadakan di Da Men Mall dan The Curve Mall. Tetapi, disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda negara, projek ini telah ditukar kepada pertandingan atas talian iaitu Trash to Treasure 2020.



Rajah 1: Da Men Mall, USJ

Da Men Mall merupakan sebuah pusat membeli-belah yang bertempat di Subang Jaya, Selangor dan mempunyai 4 tingkat serta lebih 130 buah kedai. STEM 4All Makerspace bertempat di tingkat 3, STEM Centre.



Rajah 2: Lawatan dan Perbincangan 'Kick-off' bersama STEM4all Makerspace

Pada 4 Mac 2020, 82 orang pelajar tahun 1 dan 2 Jabatan Ukur Bangunan telah ke STEM 4All Makerspace Centre di Da Men Mall bagi menghadiri Program Pengenalan STEM di samping membuat tinjauan awal bagi menjalankan aktiviti STEM yang sesuai di STEM Centre tersebut. Malahan, pada 8 Mac 2020, seramai 10 orang pelajar telah melibatkan diri sebagai sukarelawan dalam salah satu program anjuran STEM 4all Makerspace sempena World Engineering Day yang berlangsung dari pukul 10.00 pagi - 7.30 petang.

1.2 Objektif

Tiga (3) objektif utama penganjuran program ini adalah:

- i. Mendedahkan pelajar kepada aktiviti kemasyarakatan dalam apa jua keadaan samada semasa dalam keadaan normal mahupun ketika menghadapi krisis.
- ii. Mengaplikasikan kemahiran pelajar dalam berkomunikasi dan berinteraksi bersama masyarakat dengan menggunakan pelbagai platform samada secara bersemuka mahupun secara maya.
- iii. Menjadikan projek ini sebagai satu platform kepada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya khususnya para penuntut program Sarjana Muda Ukur Bangunan Sesi 2019/2020 untuk berkhidmat bakti secara terus kepada masyarakat sekeliling.

1.3 Komuniti sasaran

Projek jalinan masyarakat yang dilaksanakan oleh pelajar Tahun 2 dari Jabatan Ukur Bangunan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu STEM 4All Makerspace ini telah disasarkan kepada golongan pelajar sekolah rendah dan menengah yang berumur 7 hingga 16 tahun.

1.4 Alamat / Kawasan Komuniti Sasaran

- i. Da Men Mall No. 1, Persiaran Kewajipan, USJ 1, 47600 Subang Jaya, Selangor, Malaysia.
- ii. The Curve Mall, 6 Jalan PJU 7/3 Mutiara Damansara 47800 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan Malaysia.
- iii. Pertandingan ini diadakan secara atas talian dan tiada alamat/ kawasan komuniti yang spesifik.

1.5 Jarak Lokasi Komuniti Sasaran dari Kampus Universiti Malaya

Tidak berkenaan.

1.6 Anjuran Projek

Ini merupakan kali pertama projek Jalinan masyarakat ini dianjurkan bersama dengan STEM 4 All Makerspace.

1.6.1 World Engineering Day

Pada 8 Mac 2020, seramai 10 orang pelajar Ukur Bangunan Tahun 1 dan Tahun 2 telah melibatkan diri secara sukarelawan dalam satu program anjuran STEM 4All Makerspace sempena World Engineering Day yang berlangsung di Da Men Mall dari pukul 10 pagi hingga 7 malam. Secara amnya, program ini dianjurkan sepenuhnya oleh STEM 4All Makerspace bersama beberapa vendor yang terdapat di Da Men Mall, USJ. Para pelajar hanya ditugaskan untuk membantu mereka sepanjang 1 hari program.

1.6.2 STEM Fest

Rangkaian perancangan aktiviti bersama STEM4All Makerspace seperti STEM Explorace, pertandingan STEM, pameran dan bengkel yang sepatutnya diadakan serentak di Da Men Mall dan The Curve pada 13 hingga 22 Mac 2020 terpaksa dibatalkan disebabkan wabak pandemik covid-19 yang melanda negara. Malah, karnival STEM Fest dan pameran akhir yang dirancangan berlangsung di The Curve pada 2 Mei 2020 juga dibatalkan dan digantikan dengan pertandingan atas talian iaitu Trash to Treasure 2020 yang berlangsung daripada 27 April hingga 7 Jun 2020.

1.6.3 Online STEM Challenge – Trash to Treasure

Aktiviti STEM bersama STEM 4 All Makerspace yang dirancang untuk komuniti terutamanya para pelajar sekolah rendah dan menengah akan terus diteruskan selepas kata sepakat dicapai untuk mengajurnya secara dalam talian. Oleh yang demikian, para pelajar Tahun 2 akan meneruskan aktiviti ini dengan penganjuran Online STEM Challenge: Trash to Treasure dengan golongan sasaran komuniti untuk para pelajar sekolah menengah.

1.7 Bilangan Peserta/ Komuniti

Jadual 1: Bilangan penyertaan komuniti

PERTANDINGAN	BILANGAN PESERTA
World Engineering Day	Taklimat STEM Career: 80 orang Pameran dan aktiviti STEM: 20 orang
STEM Fest	Tiada memandangkan pelajar Tahun 2 tidak dapat meneruskan pameran dan aktiviti mereka. Penyertaan pada hari pertama aktiviti di The Curve Mall hanya sempat dihadiri oleh pelajar Tahun 1. Pengunjung yang menyertai STEM Fest adalah dalam lingkungan 20 orang.
Pertandingan Trash to Treasure 2020	17 penyertaan komuniti daripada pelbagai negeri (<i>Lampiran 2</i>) 2 orang juri iaitu Mr. Willian dan Dr Rahmati iaitu kedua-duanya ialah Pengarah bersama daripada STEM 4All Makerspace dan seorang

	juri daripada pensyarah Jabatan Ukur Bangunan iaitu Dr Nur Farhana Azmi.
--	--

1.8 Bilangan Peserta Universiti Malaya (UM)

1. Bilangan Pensyarah yang terlibat: 2 Orang
2. Bilangan Pelajar yang terlibat: 41 Orang

1.9 Gantt Chart

Rujuk *Lampiran 3*

1.10 Tempoh Pelaksanaan Projek

Jadual 2: Jadual dan tarikh perancangan pelaksanaan projek

PROJEK	TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK
World Engineering Day	4 Mac - 8 Mac 2020
STEM Fest <ul style="list-style-type: none"> • STEM Explorace, pertandingan STEM, pameran dan bengkel di Da Men Mall & The Curve Mall • STEM Fest Workshop Bengkel AutoCAD dan Sketch-Up di Fakulti Alam Bina • BS Carnival – STEM with BSUM 	<ul style="list-style-type: none"> • Dijadualkan berlangsung pada 13 - 22 Mac 2020 tetapi dibatalkan • Dijadualkan pada 23 Mac – 26 April 2020 tetapi turut dibatalkan • Dijadualkan pada 2 Mei 2020 di Da Men Mall, USJ tetapi dibatalkan
Online STEM Challenge – Trash to Treasure <ul style="list-style-type: none"> • Pertandingan atas talian iaitu Trash to Treasure 2020 	27 April - 7 Jun 2020

1.11 Pelaksanaan

1.11.1 World Engineering Day

Penyertaan para pelajar Tahun 2 Sarjana Muda Ukur Bangunan adalah di atas kapasiti sukarelawan bagi membantu STEM 4 All Makerspace menganjurkan aktiviti World Engineering Day. Para peserta membantu petugas STEM 4 All Makerspace dengan menjaga booth jualan STEM, membantu anak-anak pengunjung yang berminat dengan aktiviti STEM dan lain-lain.

Berikut merupakan senarai nama pelajar Tahun 2 yang sukarela terlibat dengan aktiviti satu hari World Engineering Day.

- i. Yap Kah Kit (BIB180029)
- ii. Umami Aisyah Umairah Binti Zakaria (BIB180027)
- iii. Muhammad Badrul Amin bin Mahosin (BIB180014)
- iv. Ahmad Faiz Faizi bin Zulkifli (BIB180041)
- v. Humaira' Binti Kamarul Saman (BIB180043)
- vi. Tan Jun Qi (BIB180041)
- vii. Hoh Pui Kei (BIB180007)

1.11.2 STEM Fest

Para pelajar Tahun 2 telah memulakan perancangan awal dalam pelaksanaan penganjuran STEM Fest bersama STEM 4 All Makerspace. Para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan mereka dipertanggungjawabkan untuk menyediakan modul STEM yang bersesuaian untuk dijalankan sepanjang aktiviti STEM Fest. Perincian mengenai perancangan pelaksanaan STEM Fest adalah seperti yang terlampir.

- i. Aturcara STEM Explorace : *Lampiran 4a*
- ii. Aturcara STEM Workshop : *Lampiran 4b*
- iii. Aturcara STEM with BSUM : *Lampiran 4b*

Walaupun bagaimanapun, seperti yang dimaklumkan **di bahagian 1.6** aktiviti ini terpaksa dibatalkan pada hari pertama STEM Fest berlangsung di The Curve Mall, Damansara iaitu pada 13 Mac 2020. Kesemua persiapan pelajar untuk menganjurkan aktiviti STEM Explorace dan pameran di booth yang disediakan pihak penganjur telah mencapai 80 peratus. Walaupun bagaimanapun, kesemua usaha mereka terpaksa dihentikan berikutan wabak pandemik Covid-19. Hanya kumpulan pertama dapat menjalankan tugas mereka sehingga jam 2.00 **petang**, 13 Mac 2020 sebelum mereka diarahkan pulang untuk menjamin keselamatan dan kesihatan mereka. Pensyarah, wakil pelajar dan wakil STEM 4 All Makerspace mengadakan perbincangan ringkas pada hari tersebut

untuk menggantikan STEM Fest ini dengan aktiviti STEM Challenge yang akan di tentukan kemudian.

1.11.3 Online STEM Challenge – Trash to Treasure 2020

Memandangkan masalah pandemik COVID19 yang melanda dunia, pertandingan STEM di atas talian iaitu 'Online STEM Challenge' telah dipersetujui bersama STEM 4 All Makerspace, para pelajar Tahun 2 Sarjana Muda Ukur Bangunan dan pensyarah penyelaras.

Terdapat dua jenis pertandingan iaitu *DIY Fun Challenge* dan *Trash to Treasure Competition*. *DIY Fun Challenge* akan dikendalikan oleh pelajar tahun 1 Ukur Bangunan manakala *Trash to Treasure Competition* pula dikendalikan oleh pelajar tahun 2 Ukur Bangunan. Setiap pertandingan ini dikendalikan di bawah pengurusan para pelajar yang dibahagikan kepada empat biro iaitu biro pertandingan (competition), biro design, biro publisiti dan biro pengurusan acara (event management). Cadangan penuh aktiviti dan gerak kerja bagi setiap biro adalah seperti di *Lampiran 5*.


Para peserta pertandingan *Trash to Treasure* perlu menghasilkan satu produk berkonsepkan STEM yang kos-efektif dan mempunyai nilai fungsi kepada kehidupan. Produk yang dihasilkan perlu terdiri daripada bahan-bahan terpakai dan kitar semula (reduce, reuse, recycle).

Secara ringkasan, pertandingan ini akan diwar-warkan di setiap medium media sosial melalui poster yang mempunyai maklumat yang lengkap tentang pertandingan tersebut. Kemudian, peserta **dapat** melihat terma dan syarat pertandingan sebelum membuat pendaftaran melalui google form. Jangka masa bagi setiap pertandingan ini berdurasi **daripada** 3 hingga 4 minggu. Selepas pertandingan ditutup dan dinilai oleh juri, 10 orang peserta akan dipilih sebagai pemenang berdasarkan hasil produk mereka yang menepati konsep dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi. Hadiah bernilai RM100.00 wang tunai akan diberikan kepada setiap pemenang melalui peruntukan yang diberikan oleh **Centre for the Initiation of Talend and Industrial Training** (CITrA), **Universiti Malaya**. Manakala STEM 4 All Makerspace akan menyumbangkan voucher STEM yang bernilai RM100 kepada 10 pemenang. Terdapat juga pemenang utama yang akan menerima hadiah bernilai RM300 sumbangan daripada STEM 4 All Makerspace.

Berdasarkan pertandingan STEM atas talian ini, peserta mendapat peluang melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti berkaitan STEM dan juga dapat menonjolkan bakat dan kreativiti masing-masing melalui penghasilan produk pertandingan mereka. Malahan, tujuan penghasilan produk daripada bahan-bahan terpakai dan kitar semula adalah merupakan satu usaha untuk menyelamatkan bumi dan mengurangkan pencemaran di samping dapat meningkatkan kesedaran masyarakat akan kepentingan STEM dan kepentingan menjaga persekitaran pada masa kini.

i. Pembahagian tugas

Para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk melancarkan tugas yang perlu dilaksanakan. Selain daripada itu, beberapa orang pelajar telah dilantik sebagai



Jawatankuasa Tertinggi Projek bagi mengendalikan pertandingan Trash to Treasure secara amnya dan seterusnya mengetuai Online STEM Challenge secara khasnya (Rajah 3).

CARTA ORGANISASI

Rajah 3: Perlantikan Ahli Jawatankuasa Tertinggi pelajar Tahun 2

Jadual 3 ialah perincian pembahagian tugas dan penglibatan jawatankuasa daripada para pelajar Tahun 2

Jadual 3: Perlantikan jawatankuasa tertinggi, bidang tugas dan pembahagian biro

JAWATAN	PENERANGAN
Pengarah dan Timbalan Pengarah	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat memastikan semua aktiviti berjalan dengan lancar. • Dapat memastikan semua ahli memberi kerjasama sepanjang aktiviti dijalankan dan menjalankan tugas masing-masing.
Setiausaha dan Timbalan Setiausaha	<ul style="list-style-type: none"> • Mengetahui dan memahami tugas-tugas yang perlu dilakukan. • Mencatat segala aktiviti dan menyiapkan setiap minit mesyuarat. • Melaksanakan tugas dengan pantas dan cekap.
Bendahari	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat anggaran bajet bagi pelaksanaan projek.
Biro Aktiviti Pertandingan	<ul style="list-style-type: none"> • Menetapkan terma dan syarat bagi pertandingan. • Menentukan cara pemarkahan dan pemilihan pemenang. • Menyediakan arahan lengkap bagi setiap pertandingan. • Menetapkan kaedah dan rubrik penilaian juri bagi memastikan penilaian yang adil. • Mencari dan memilih juri yang bersesuaian.
Biro Rekabentuk	<ul style="list-style-type: none"> • Merekabentuk poster pertandingan untuk dipromosikan di akaun media sosial bagi tujuan hebahan dan promosi. • Merekabentuk sijil elektronik para pemenang, juri dan semua ahli penganjur. • Merekabentuk templat pengumuman nama pemenang dan status 'countdown'.
Biro Publisiti	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan templat untuk status di media sosial. • Mengiklan dan mengemaskini status berkenaan pertandingan 'STEM Challenge' di pelbagai medium media sosial. • Menguruskan akaun media sosial dan menjawab segala pertanyaan yang dihantar di media sosial. • Memastikan setiap ahli jawatankuasa mengiklankan dan berkongsi status berkenaan STEM Challenge di akaun media sosial masing-masing.

JAWATAN	PENERANGAN
	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan setiap publisiti yang dimuatnaik disertakan dengan hashtag #BuildingSurveyingUniversitiMalaya dan/atau #BSUM serta hashtag lain yang bersesuaian dengan seragam.
Biro Pengurusan Acara	<ul style="list-style-type: none"> Membuat 'Google Form' bagi tujuan pendaftaran peserta pertandingan. Menyediakan garis panduan bagi peserta untuk memuat naik hasil penyertaan mereka di dalam bentuk video yang berdurasi 3 minit. Peserta akan memuatnaik video mereka di dalam laman media sosial ibubapa dengan ketetapan publik berserta caption dan hashtag yang seragam. Peserta perlu menyenaraikan akaun media sosial rasmi Jabatan Ukur Bangunan Universiti Malaya serta STEM4all Makerspace di dalam status mereka. Menetapkan jangka masa pertandingan dipatuhi untuk mengelakkan kelewatan. Menentukan kaedah pemberian hadiah kepada peserta dan pemenang pertandingan. Menentukan tema bagi pertandingan dan had jumlah peserta untuk setiap kategori. Memastikan perjalanan pertandingan sentiasa berjalan lancar.

Jadual 4: Ahli jawatankuasa daripada pelajar Tahun 2


TAHUN 2			
Pertandingan	Publisiti	Rekabentuk	Pengurusan Acara
1. Lai Jie Min	1. Anna Chen Siaw Ee	1. Chris Chan Xin Yi	1. Lew Zhi Qing
2. Tan Jun Qi	2. Tan Xian Yun	2. Wan Nur Faizatul Akmal Binti Wan Ismail	2. Goh Ying Jou
3. Tem Jing Yi	3. Teow Wei Yi	3. Chan Eng Seng	3. Teo Xi Yuan
4. Hoh Pui Kei	4. Ahmad Zakwan Bin Zamzaini	4. Nurshazreen Binti Amirudin	4. Lim Cheng Tong
5. Ong Yi Qing	5. Muhammad Ariffin Bin Asli	5. Vanghau Wong Ing Huo	5. Nik Muhammad Alfeq Haiqal Bin Bahari
6. Hiew Jia Yee	6. Muhammad Hazim Bin Hamdan	6. Alyaa Anati Binti Amran	6. Nur Alwani Binti Pa`At
7. Liyana Darwina Ajmal Binti Abdul Manan	7. Siti Aisha Binti Othman	7. Nurfadzillah Hanim Binti Yusri Shamsul	7. Nabihah Binti Mohd Sopian
8. Nur Husna Binti Mohd Dali	8. Humaira' Binti Kamarul Saman	8. Adriana Nadhirah Sarah Binti Hisham	8. Ismahani Binti Abdullah
9. Muhammad Izwan Bin Mohd Salleh	9. `Ain Yasmin Binti Abu Bakar	9. Nur Yuhanis Binti Kamarulzaman	9. Ong Hun Chong
10. Ahmad Faiz Fauzi Bin Zulkifli	10. Ummi Aisyah Umairah Binti Zakaria	10. Yap Kah Kit	10. Nur Izzah Binti Azizan
11. Muhammad Badrul Amin Bin Mahosin			

ii. Perlantikan juri

Juri pertandingan dilantik daripada STEM 4 All Makerspace bersama wakil Jabatan iaitu Dr Nur Farhana Azmi (Jadual 5). Ini adalah untuk memastikan pertandingan yang dinilai mempunyai kualiti serta dipercayai mutunya oleh para peserta dan komuniti. Perlantikan juri juga diwar-warkan di dalam sosial media untuk makluman umum (Rajah 4).

Jadual 5: Lantikan Juri

PERTANDINGAN	STEM 4 All Makerspace	Universiti Malaya
Trash to Treasure 2020	1. Mr William Alvisse 2. Dr Rahmat Shazi	1. Dr Nur Farhana Binti Azmi



Rajah 4: Publisiti lantikan juri di laman sosial yang mencecah 506 capaian individu, 96 makluman serta 5 perkongsian

iii. Proses pelaksanaan

Para pelajar telah menyediakan syarat pertandingan di mana para peserta akan mengambil maklum mengenainya selepas mereka berdaftar di dalam borang google yang disediakan. Selain dari itu, syarat-syarat pertandingan secara umum juga diletakkan di dalam poster pertandingan yang direkabentuk oleh jawatankuasa terlibat.

Borang google boleh di capai melalui URL <https://bit.ly/359tEdkTrashtoTreasure>.

Rajah 5 merupakan makluman yang disediakan di dalam capaian tersebut. Peserta akan memberikan perincian peribadi di dalam ruang yang disediakan. Langkah terakhir adalah dengan memuatnaik video penyertaan mereka di dalam borang google berkenaan. Kemudian, penyertaan siap sedia untuk di hantar kepada jawatankuasa yang berkaitan. Ahli jawatankuasa

akan mengemas kini google drive untuk link terbabit dan menyimpan video-video yang dihantar di dalam folder yang disediakan untuk mengosongkan 'memory' borang berkenaan bagi menyediakan ruang untuk penyertaan yang lain.

Trash To Treasure 2020: Registration Form

This competition challenges students aged from 13-16 years old to be innovative and creative by transforming waste products into useful products with easy and cost effective methods as an effort to implement and enforce 3R into our daily life.

The name and photo associated with your Google account will be recorded when you upload files and submit this form. Not queenofkuji@gmail.com? [Switch account](#)

*** Required**

Email address *

queenofkuji@gmail.com

Introduction

Trash To Treasure 2020
 Registration and Submission Date: 27/4/2020
 Organizer: Building Surveying University Malaya
 Format: Online Submission & Online Grading
 Closing Date: 18/5/2020
 Winner Announcement Date: 31/5/2020

Terms and Conditions

- The entrance is open to students aged 13 to 16 who live in Malaysia. Participants will need to get their parents' consent to participate in the competition.
- The competition conditions are as below:-
 - * Participants are required to use used or discarded materials and transform them into one (1) products with different uses and functions.
 - * Creation must be original without reference to any existing design. Participants are allowed to combine and use a variety of used materials in one design but only for one entry.
 - * Participants are required to upload a maximum duration of 4 minutes video in format MP4 as participation in the link provided. The process of product design, introduction and function of product should be clearly stated in the video.
 - * The video should involve only one participant and must include University of Malaya logo and STEM4all Makerspace logo as below. Any entries involving the sharing of more than one participant will be disqualified.
 - * Participants must provide the name or theme of their products.
 - * The video quality must be clear. Any unclear submissions will automatically be disqualified.
- The duration of entry is as stated and any delays will not be assessed and treated.
- Winners will be evaluated based on their creativity.
- The University of Malaya's Building Surveying Department reserves the right to obtain any copyright in all submissions submitted and authorized for any publication, writing and / or dissemination of any medium.
- The organizer reserves the right to amend the terms and conditions of the competition at any time and the participant should be aware of any changes.
- This entry will be considered an acceptance of the terms of the competition as stated above.

Details of Competition

Title

Participants are required to transform waste material into useful products with their own creativity. Waste material are defined as unused and rejected materials which will be transformed into a new object with new function. To enter, eligible participants must create a short video with maximum four (4) minutes

Prize List

Prizes will be given worth up to RM300 (grand winner) and RM 200 (10 selected winners) consists of cash and vouchers

Details of Participant

Name *
 as on Identity Card
 Your answer

Gender *

Female
 Male

Identity Card *
 Your answer

Age (Based on 2020) *
 Your answer

Date of Birth *
 MM DD YYYY
 / /

Address *
 Your answer

Telephone Number of Contact Person *
 Your answer

Video Submission

Video Submission (Name_Topic) *

[Add file](#)

For more information, please visit

Email: stem20um@gmail.com
 Contact Number: 012-2490643 (WhatsApp ONLY)

Verification *

I have read and understand the terms and condition of the submission. Saya telah membaca dan memahami terma dan syarat penyertaan

Yes
 No

Rajah 5: Borang google untuk Trash to Treasure dan peserta akan terus memuatnaik video penyertaan mereka

iv. Perincian pertandingan

Pertandingan	Dikendalikan oleh pelajar	Kategori Umur	Tarikh
Trash to Treasure 2020	Tahun 2	13-16 Tahun (Sekolah Menengah)	Penyertaan pendaftaran: 27 April 2020 hingga 18 Mei 2020 (dilanjutkan kepada 25 Mei 2020) Penjurian: 26 Mei 2020 – 3 Jun 2020 Pengumuman pemenang: 4 Jun 2020

1.12 Isu dan Cabaran

Isu dan cabaran yang dihadapi bagi melaksanakan projek ini ialah kekangan dari pelbagai segi disebabkan oleh wabak pandemik covid-19. Pertandingan yang sepatutnya diadakan di Da Men Mall dan The Curve perlu dilaksanakan secara atas talian yang telah membawa kepada cabaran seterusnya iaitu miskomunikasi antara ahli jawatankuasa kerana kesukaran untuk berinteraksi antara satu sama lain serta penyampaian maklumat yang kurang jelas.

1.13 Cadangan

Projek jalinan masyarakat merupakan satu projek yang pengisiannya memerlukan kerjasama antara para pelajar, penganjur luar dan masyarakat setempat. Melalui projek ini, para pelajar dapat menimba pelbagai pengalaman berharga dan dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan penyampaian maklumat dalam kalangan mereka. Projek jalinan masyarakat ini juga dapat memberi impak dan pembelajaran berterusan dalam kalangan pelajar dan masyarakat setempat.

1.14 Pencapaian

1.14.1 Analisis persiapan STEM Fest

Penyediaan bagi setiap kumpulan untuk aktiviti STEM Fest berjalan dengan lancar. Para pelajar Tahun 2 juga telah membantu menguruskan 81 orang pelajar yang terlibat dalam projek ini mengikut kumpulan untuk memudahkan gerak kerja. Untuk STEM Explorace, kami telah meminjam model rumah yang dihasilkan oleh pelajar tahun satu untuk tujuan pameran. Selain itu, kami berpeluang untuk memperkenalkan Fakulti Alam Bina Universiti Malaya kepada orang awam di samping mengadakan aktiviti di The Curve. Namun demikian, pada hari pertama aktiviti ini diberhentikan sebagai langkah pencegahan penyebaran pandemik Covid-19.

1.14.2 Analisis penyertaan STEM Challenge

Penyediaan bagi aktiviti alternatif dilakukan secara talian atau “online” disebabkan RMO. Walaupun demikian, kami berjaya mengagihkan tugas kepada kumpulan-kumpulan tersebut berdasarkan skop kerja masing-masing. Kami telah menganjurkan dua pertandingan atas talian DIY Fun Challenge dan Trash to Treasure 2020 2020 dan kedua-dua pertandingan tersebut mendapat sambutan yang meriah. Jumlah peserta bagi Trash to Treasure 2020 adalah sebanyak 15 peserta (2 peserta dikecualikan). Sila rujuk *Lampiran 2* untuk maklumat lanjut.

Keputusan pertandingan: Sila rujuk *Lampiran 6*.

1.15 Dokumen

1.15.1 Bahan promosi.

Rujuk *Lampiran 7*

1.15.2 Link pendaftaran

PERTANDINGAN	TRASH TO TREASURE 2020
LINK PENDAFTARAN	https://bit.ly/359tEdkTrashtoTreasure

1.15.3 Rubrik pertandingan

Sila rujuk *Lampiran 8*

1.15.4 Perlantikan juri

Sila rujuk *Lampiran 9*

1.15.5 Sijil penyertaan dan pemenang

Sila rujuk *Lampiran 10*

1.15.6 Hadiah pemenang

10 pemenang terpilih akan diberi voucher yang bernilai RM100.00 dan wang tunai yang bernilai RM100.00. Pemenang utama akan diberi hadiah yang bernilai RM300.00. Hadiah ini adalah merupakan sumbangan para pelajar Tahun 2 daripada kelulusan peruntukan CITrA sebanyak RM1000.00 serta tajaan daripada STEM 4 All Makerspace sebanyak RM1300.00.

2.0 Gambar dan Video

2.1 Gambar Aktiviti

Sila rujuk *Lampiran 11* dan pautan link di <https://drive.google.com/drive/folders/1mwGDQmUb-4ti3KXpVGNkYpgKHgdYqUnT?usp=sharing>

2.2 Video Aktiviti

PERTANDINGAN	LINK BAGI VIDEO PERTANDINGAN PARA PESERTA
TRASH TO TREASURE 2020	https://drive.google.com/drive/folders/0B-XKNGEP-bOfmhwdHROOU1SSExfbzY3ZERJdnJDUWWhV3lKNzFOZ3pDdIIIINlJmWUp2NGc

2.3 Video Temubual / Testimoni

2.3.1 Video temubual:


Mr Ramesh Pillai yang bertindak sebagai Pengarah, Jalinan Masyarakat STEM 4 All Makerspace telah turut hadir ke persembahan akhir pembentangan projek Jalinan Masyarakat. Secara keseluruhan, beliau juga sangat berpuas hati dengan komitmen dan pencapaian pelajar sepanjang penganjuran aktiviti-aktiviti yang terlibat iaitu World Engineering Forum, STEM Fest dan akhir sekali Online STEM Challenge. Beliau juga berharap kerjasama di antara STEM 4All Makerspace dan Universiti Malaya dikekalkan melalui program-program lain di masa akan datang.

Pautan persembahan akhir pelajar adalah seperti di link berikut.

<https://drive.google.com/file/d/1vp9m9kYUI9LeFtuI9T8bUueSpom8AFOf/view?usp=sharing>


2.3.2 Testimoni

Laporan statistik seperti di *Rajah* daripada laman Facebook rasmi Jabatan Ukur Bangunan menunjukkan rekod aktiviti Jalinan Masyarakat yang diwar-warkan daripada 14 Mei 2020 sehingga 10 Jun 2020 telah Berjaya mencapai target komuniti dan meningkatkan profail Jabatan Ukur Bangunan secara amnya.



Rajah 6: Laporan statistik yang merekodkan pencapaian aktiviti Jalinan Masyarakat Online STEM Challenge

Berdasarkan daripada jumlah perkongsian yang diambil daripada pengumuman juri dan pemenang, kebanyakan peserta dan ibubapa merasa teruja dengan penglibatan mereka di dalam Online STEM Challenge ini (Rajah 7).



Rajah 7: Perkongsian pengumuman pemenang Trash to Treasure oleh ibubapa yang gembira dengan kemenangan anak mereka

3.0 Keratan Akhbar

Tiada.

4.0 Kewangan dan Perbelanjaan

Rujuk *Lampiran 12*

5.0 Sumber Kewangan

5.1 Sumber Dalaman

CITrA: 41 pelajar Tahun 2 x RM50.00 = RM2,050.00

5.2 Sumber Luaran

i. STEM 4 All Makerspace

- 10 pemenang terpilih dengan voucher STEM bernilai RM100 seorang
= 10 x RM100 = RM1,000.00
- 1 pemenang utama dengan hadiah bernilai RM300.

5.3 Sumber Syarikat Swasta

Tiada

6.0 Penutup dan Kesimpulan

Akhir kata, program Jalinan Masyarakat ini telah memberikan impak yang tinggi kepada pelajar-pelajar 2 sarjana muda Ukur Bangunan dan memberi pelbagai pengajaran dan nilai kehidupan seperti kepentingan berinteraksi dengan masyarakat, kepentingan mengamalkan komunikasi yang berkesan dan lain-lain. Senarai nama pelajar Tahun 2 yang terlibat adalah seperti di *Lampiran 13*.

7.0 Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada penganjur bersama iaitu STEM 4All Makerspace di atas kesudian untuk bekerjasama menjalankan program jalinan masyarakat ini. Kami juga ingin memberikan penghargaan kepada para juri, peserta yang sudi untuk turut serta menyertai pertandingan STEM atas talian ini dan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan program ini.

Disediakan oleh:



.....
Siti Aisha Binti Othman
Setiausaha Projek Jalinan Masyarakat (GIG1005)
Jabatan Ukur Bangunan
Fakulti Alam Bina
Universiti Malaya




.....
Chan Eng Seng
Ketua Projek Jalinan Masyarakat
(GIG1005)
Jabatan Ukur Bangunan
Fakulti Alam Bina
Universiti Malaya

Disahkan oleh,



.....
Dr. Sr. Raha binti Sulaiman
Penyelaras
Jalinan Masyarakat (GIG1005)
Jabatan Ukur Bangunan
Fakulti Alam Bina
Universiti Malaya



.....
Dr. Nur Farhana Azmi
Penyelaras
Jalinan Masyarakat (GIG1005)
Jabatan Ukur Bangunan
Fakulti Alam Bina
Universiti Malaya

UM.B/606/BS

Lampiran 1: Surat lantikan dan kerjasama STEM 4All Makerspace

29 April 2020

Profesor Dr. Yahaya Ahmad

 Dekan
Fakulti Alam Bina

YBrs Prof.,

PERMOHONAN MENJALANKAN AKTIVITI DAN KELULUSAN PERUNTUKAN BAGI KURSUS GIG1005: JALINAN MASYARAKAT, SARJANA MUDA UKUR BANGUNAN, JABATAN UKUR BANGUNAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Ukur Bangunan akan mengadakan aktiviti seperti ketetapan berikut sebagai sebahagian daripada komponen penilaian berterusan bagi kursus GIG1005: Jalinan Masyarakat:

Tarikh	: 27 April 2020 - 2 Jun 2020
Aktiviti	: DIY STEM Project and Challenge - Online competition
Rakan Kolaborasi	: STEM 4all Makerspace, My Brain My Talent, Pusat STEM Negara
Objektif	: Mendedahkan pelajar sekolah rendah dan menengah tentang Science, Technology, Engineering dan Mathematics (STEM)
Jumlah pelajar	: 82 orang yang mendaftar kursus GIG1005
Pensyarah bersama	: 2 orang (Dr. Sr Raha Sulaiman dan Dr. Nur Farhana Azmi)

3. Penganjuran aktiviti ini adalah bersempena dengan Hari Kreatif dan Inovasi Sedunia pada 21 April 2020. Itinerari aktiviti dan perincian perbelanjaan adalah seperti lampiran.

4. Sehubungan itu, saya ingin memohon kelulusan YBrs Prof. seperti berikut untuk acara penutup pertandingan pada 2 Jun 2020:

Akaun	Perkara	Amaun (RM per pelajar)	Jumlah (RM)
Peruntukan Khas Kursus JM dari CITRA	<ul style="list-style-type: none"> • Elaun topup – RM20/orang • Hadiah pemenang Trash to Treasure – RM100 x 10 • Hadiah pemenang Origami dan Katigami – RM100 x 10 • Barang pakai habis – RM460.00 	RM50.00 x 82 orang	4,100.00
JUMLAH			4,100.00

Pertimbangan dan kelulusan YBrs. Prof berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


DR Sr Ts FARID WAJDI AKASHAH

 Ketua
Jabatan Ukur Bangunan

 sk Profesor Madya Dr. Sr Yasmin Mohd Adnan – Timbalan Dekan (Ijazah Dasar)
Dr. Sr Raha Sulaiman – Penyelaras Kursus GIG1005

1

UM.B/377/BS

Lampiran 1: Surat lantikan dan kerjasama STEM
4All Makerspace

29 April 2020

Mr Ramesh Pillai

 Pengarah
 STEM 4 All Makerspace
 L 3.01. Tingkat 3, Da Men Mall
 No.1 Persiaran Kewajipan
 USJ 1 Subang Jaya

Tuan,

**PELANTIKAN SEBAGAI PENGANJUR BERSAMA UNTUK PROJEK KOMUNITI BAGI KURSUS GIG1005:
JALINAN MASYARAKAT, SEMESTER II, SESI 2019/2020: Online STEM Challenge**

Izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa STEM 4 All Makerspace telah dilantik sebagai penganjur bersama dalam program komuniti bagi kursus GIG1005 : Jalinan Masyarakat. Melalui program ini juga, pertandingan 'Online STEM Challenge' akan dianjurkan bersama pelajar Sarjana Muda Ukur Bangunan Tahun 1 dan Tahun 2.
3. Bersempena dengan pertandingan ini, sebanyak dua (2) kategori akan diadakan iaitu kategori *DIY Fun Challenge: 3D Design Cardboard House* untuk pelajar sekolah rendah dan kategori *Trash to Treasure* bagi pelajar sekolah menengah.
4. Sehubungan itu, kami berbesar hati menyumbangkan sebahagian peruntukan yang diterima daripada CITRA untuk digunakan sebagai hadiah kepada pemenang bagi kedua-dua kategori tersebut. Pecahan peruntukan adalah seperti berikut:

BIL.	KATEGORI PERTANDINGAN	PERUNTUKAN HADIAH PEMENANG
1	<i>DIY Fun Challenge</i>	RM1,000.00
2	<i>Trash to Treasure</i>	RM1,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN	RM2,000.00

5. Sukacita sekiranya pihak tuan dapat memberi maklumbalas berkenaan perincian akaun bersama inbois bagi melancarkan proses pembayaran kepada pihak STEM 4 All Makerspace.

Kesudian tuan dalam menyumbang kepakaran dan sumbangan khidmat masyarakat kepada para pelajar amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



DR. Sr Ts FARID WAJDI AKASHAH
 Ketua
 Jabatan Ukur Bangunan

STEM 4 ALL MAKERSPACE

LEVEL 3, L3-01, DA MEN MALL
NO.1, PERSIARAN KEWAJIPAN, USJ 1, 47600 SUBANG JAYA, SELANGOR

1 March 2020

Lampiran 1: Surat lantikan dan kerjasama
STEM 4All Makerspace

Dr. Raha binti Sulaiman
Department of Building Surveying
Faculty of Built Environment
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur

Dear Dr Raha,

STEM Activity Community Engagement : Invitation to STEM 4All Makerspace, Da Men Mall Subang Jaya on 4 March 2020 in conjunction with the Celebration of World Engineering Day

I would like to express our sincere appreciation for choosing to collaborate with our STEM 4All Makerspace on the Community Engagement Programs by the students from Building Surveying Department.

Further to our discussion on the activities which the students had proposed to undertake, I would like to invite them to our STEM 4All Makerspace at Da Men Mall Subang Jaya on 4th March 2020 at 11.00am.
